

21

No. Soalan: 19  
PR-1353-L02814

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**[ TENOM ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**SOALAN : Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan faktor-faktor Malaysia sebagai pelaku global yang berpengaruh dan berkesan terutama dalam isu keselamatan dan kestabilan politik serantau terutama di ASEAN.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, ASEAN merupakan antara tonggak utama dasar luar negara Malaysia. Ini kerana ASEAN memainkan peranan penting dari aspek geopolitik dan ekonomi kepada Malaysia. ASEAN dilihat sebagai forum dan platform untuk Negara-negara Anggota ASEAN dan kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat untuk membincangkan isu yang berkepentingan melalui mekanisme yang diketuai oleh ASEAN.

3. Peranan penting Malaysia di dalam ASEAN bermula sejak penubuhan ASEAN pada tahun 1967 di mana Malaysia adalah di antara '*Founding Fathers of ASEAN*' atau pengasas kepada Pertubuhan ASEAN.

4. Bermula pada tahun 1970-an dengan berpaksikan diplomasi yang neutral, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan Deklarasi Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Penubuhan ZOPFAN telah disusuli oleh diplomasi Kerjasama Selatan-Selatan pada tahun 1990-an melalui usaha seperti Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada tahun 2005, Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) dianjurkan buat julung-julung kalinya di Kuala Lumpur, dan semenjak itu telah diiktiraf sebagai forum perdana untuk pemimpin-pemimpin serantau serta simbol kepusatan ASEAN yang semakin utuh. Dengan penerimaan Amerika Syarikat dan Rusia sebagai ahli, keanggotaan EAS telah bertambah daripada 16 sehingga 18 buah negara. EAS adalah platform terkemuka dalam memacu integrasi dan kerjasama yang lebih erat di Asia Timur, di mana pemimpin-pemimpin serantau membincangkan cabaran strategik utama termasuk ketegangan berkenaan isu-isu Laut Cina Selatan, usaha menangani keganasan dan extremism, situasi di Semenanjung Korea, kerjasama maritim dan agenda integrasi ekonomi serantau.

6. Pada tahun 2010, Malaysia telah melancarkan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang bermatlamat untuk mengelakkan penggunaan keganasan melampau sebagai kaedah menyelesaikan pertikaian antara negara-negara dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Konsep kesederhanaan ini telah turut diperakui dan disokong oleh Negara-Negara Anggota ASEAN yang lain melalui perakuan Kertas Konsep ASEAN berkenaan Kesederhanaan di Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-20 di Cambodia pada tahun 2012.

7. Susulan kepada itu, Deklarasi Langkawi tentang Gerakan Kesederhanaan Global telah diperakui oleh pemimpin-pemimpin ASEAN sewaktu Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Antara

lain, deklarasi berkenaan menitikberatkan usaha-usaha untuk mempromosikan kesederhanaan sebagai nilai ASEAN yang berupaya menyokong kedamaian, keselamatan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Semasa Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2015, Malaysia telah menggariskan lapan keutamaan seperti berikut:

- i) Penubuhan Komuniti ASEAN secara rasminya;
- ii) Pembinaan visi pasca-2015 dengan garis panduan dan dokumen berkaitan;
- iii) Membawa ASEAN lebih dekat kepada rakyat;
- iv) Membangunkan perusahaan berskala kecil dan sederhana;
- v) Meningkatkan perdagangan dan pelaburan dalam kalangan Negara-Negara Anggota ASEAN;
- vi) Mengukuhkan institusi-institusi ASEAN;
- vii) Meningkatkan keamanan dan keselamatan serantau;
- viii) Menyerlahkan peranan ASEAN selaku pemain global.

9. Menerusi penggubalan rancangan 10-tahun 'pasca-2015' untuk usaha pembentukan komuniti ini, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan integrasi dan kestabilan serantau. Tiga pelan tindakan (*blueprints*) telah diperakui, iaitu Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN dan Pelan Tindakan Komuniti Soso-Budaya ASEAN.

10. Melalui penglibatan aktif dalam forum-forum yang diterajui ASEAN - antara lain, Forum Serantau ASEAN (ARF) yang mempunyai 27 anggota, serta *ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus* (ADMM Plus) - Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha ke arah mengukuhkan keselamatan dan kestabilan politik serantau.

11. Menerusi ASEAN, Malaysia berserta dengan Negara-Negara Anggota ASEAN yang lain telah bekerjasama dalam mengambil pendirian yang teguh, jelas dan berprinsip atas isu-isu yang memberikan kesan terhadap kestabilan di rantau Asia Tenggara, seperti isu keganasan melampau dan isu Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).

Sekian, terima kasih.